

# DINAMIKA PERUBAHAN PENGURUSAN MENUJU ERA-K<sup>1</sup> UCAP UTAMA

oleh  
**Tan Sri Dato' Dr. Awang-Had Bin Salleh**  
Profesor Emeritus  
Universiti Utara Malaysia

## PENGENALAN

Bukanlah luar biasa, pada waktu ini, mendengar kenyataan-kenyataan atau rungutan seperti berikut:

**Pertama:** “Tak diduga rupa-rupanya begitu banyak perubahan yang berlaku dalam tempoh hidup saya sendiri.”

**Kedua:** “Masa sungguh pesat sekali berlalu. Pada mulanya saya menyangka ini hanya benar pada orang yang telah berumur seperti saya sendiri. Rupa-rupanya tidak. Orang-orang muda pun nampaknya mengalami gejala yang sama.”

**Ketiga:** “Nampaknya, setiausaha peribadi kita masing-masing tidak seteruk dulu dalam mengendalikan kerja-kerja pejabat dan pengurusan hal-ehwal ketua mereka.”

**Keempat:** “Pernahkah terfikirkan yang seorang setiausaha sahaja dibekalkan untuk tiga orang profesor pada hal dulunya, seorang profesor dibekalkan seorang setiausaha.”

**Kelima:** “Sudah ada kecenderungan orang sekarang untuk bekerja sebagai *freelancer* dan bertugas atau beroperasi dari pejabat di rumah sendiri.”

---

<sup>1</sup> Disampaikan kepada Seminar “Dinamika Perubahan Pengurusan Menuju Era-K” anjuran Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Septembar, 2000.

Dalam tahun-tahun enam-puluhan bila saya ke luar negara, kebanyakan pembelian barang, penginapan di hotel dan makan di restoran-restoran besar, saya seolah-olah mendapat kredit tiga ke empat bulan kerana begitulah lamanya tuntutan syarikat-syarikat kad kredit sampai kepada kita setelah kita pulang semula ke tanah air. Sekarang ini, sebaik sahaja kita menandatangani slip bil kad kredit itu di luar negara, proses tuntutan pun bermula dan, belum pun sempat kita sampai balik ke tanah air, bil sudah menunggu kepulangan kita.

Saya sendiri bergerak bersama-sama kelengkapan pejabat saya bila berada dalam perjalanan kerana dari dalam motokar itu saya dapat menghantar faks, menerima faks, menelefon, menghantar mesej pendek, menerima berita CNN, membuat keputusan membeli, menjual atau berdiam diri sehubungan dengan pasaran saham, membuat persidangan antara tiga atau lebih parti mengenai sesuatu keputusan yang perlu dibuat oleh sesebuah jabatan, persatuan, dan sebagainya.

Demikian juga kita menyemak sama ada nama kita terdapat di dalam senarai pengundi hanya dengan mengetik komputer untuk mendapatkan pengesahan serta tempat mengundi dan sebagainya. Begitu pula kita memesan buku atau barangan lain tanpa meninggalkan kediaman kita.

Di bandar Phoenix, Arizona, USA, menerusi projek teroka bernama ServiceArizona yang dimulakan pada tahun 1996, orang ramai boleh menguruskan jumlah transaksi yang sentiasa bertambah, dari pembaharuan cukai jalan motokar hingga penggantian kad pengenalan yang hilang menerusi khidmat *online* 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Kos kepada pelanggan menurun dari US\$6.60 jika berurusan di kaunter

kepada US\$1.60 bagi transaksi tertentu secara *online*. Dari segi tempoh masa yang diambil, dihitung panjang Cuma dua minit sahaja.<sup>2</sup>

Demikianlah, dalam gelombang ketiga peradaban manusia – suatu nama yang diberikan oleh Alvin Toffler dua dekad lalu, sebagai sebuah jangkaan, kini telah menjadi sebuah realiti.<sup>3</sup>

Dalam pengantar kepada bukunya, Alvin Toffler menyebut tentang *new civilization* yang mewarisi *industrialism*. Katanya:

*So profoundly revolutionary is this new civilization that it challenges all our old assumptions. Old ways of thinking, old formulas, dogmas, and ideologies, no matter how cherished or how useful in the past, no longer fit the facts.*

Demikianlah, bertitik tolak dari situ, dalam seminar ini kita menerima hakikat bahawa perubahan itu telah dan sedang berlaku, lalu kita cuba memahami, pada tahap yang lebih mikro, apakah dan bagaimanakah dinamika perubahan itu merobah pengurusan sambil kita menuju *era-k*.

### ERA-K

“K” seperti yang sedang sekalian memahaminya ialah mewakili kata *knowledge* atau “pengetahuan”. Ada yang menghubungkannya dengan “Masyarakat-K” atau *K-Society*. Ada pula yang menghubungkannya dengan “Ekonomi-K” atau *K-Economy*. Jelaslah terdapat dua aras unit analisis ini, iaitu, masyarakat-K dengan maksud masyarakat yang anggotanya mempunyai pemilikan pengetahuan dan mempunyai akses kepada pengetahuan. Ini seolah-olah menjadi pra-syarat kepada pengwujudan sebuah *Ekonomi-K* atau *K-economy*.  
*Ekonomi-K @ knowledge worker*

<sup>2</sup> “Government and The Internet” dalam *The Economist*, Jun 24<sup>th</sup> – 30<sup>th</sup> 2000 dalam Survey of the Government and the Internet, halaman 3.

<sup>3</sup> Alvin Toffler, *The Third Wave*, New York: William Morrow and Company, Inc., 1980.

Pada waktu ini orang mungkin mahu bertanya, tidakkah benar bahawa inilah juga halnya dengan masa lepas, iaitu, adalah menjadi suatu aset kepada negara bila anggota masyarakatnya memiliki pengetahuan dan dengannya dapat melahirkan sebuah ekonomi-k bagi negara itu? Jawabnya tidak. Ia tidak begitu jadinya kerana ekonomi pada waktu itu tidak global sifatnya. Masyarakat dunia belum global sifatnya pada waktu itu. Penyebaran pengetahuan juga tidak global sifatnya pada waktu itu. Persaingan perdagangan dan urusan kewangan juga tidak global sifatnya pada masa itu.

Orang mungkin tidak begitu yakin dengan kenyataan ini lalu menanyakan tidakkah pada waktu itu lagi perbankan sudah meliputi seluruh dunia dalam sistem transaksinya; tidakkah pendidikan juga pada waktu itu sudah menembusi sempadan negara dan wilayah? Tidakkah pada waktu itu lagi sudah ada komunikasi yang merentas negara dan wilayah menerusi telefon, faks, kapal terbang, kapal laut, pengangkutan jalan raya?

Jawabnya tidak, kerana teknologi komunikasi pada waktu itu tidak memiliki tiga faktor atau *property*. Pertama, kepantasan raksaksa. Kepantasan pada waktu ini adalah memeranjatkan dan mengagumkan kerana penerbangan berita dari satu tempat ke tempat lain beribu-ribu batu jauhnya berlaku secara instan atau semerta. Kedua, keupayaan mengendalikan iaitu mengumpul dan memindahkan data yang begitu besar padu atau *volume*-nya berjalan atau terbang dengan kepantasan raksaksa tadi secara instan juga. Ketiga, sisan data yang berlaku secara instan tadi, tidak secara satu hala sahaja, dan tidak juga dua atau malah tiga hala sahaja, tetapi sebaliknya ia berlaku ke pelbagai hala yang tidak terkira banyaknya seperti kita menuang air ke atas bola yang air

tadi mengembara ke pelbagai hala lalu meliputi seluruh bola itu. Bola itu ialah gelob (*globe*) kita.

Ketiga-tiga properti ini mempengaruhi segala aspek aktiviti manusia melalui “keinstanan”, “keglobalan” dan “keraksaksaian *volume*” tadi. Ini mendatangkan akibat yang menyenangkan dan juga mencemaskan. Ia menyenangkan kerana ia memungkinkan apa yang dahulunya tidak mungkin. Ia mencemaskan kerana gelob kita tidak merupakan laman permainan yang rata atau *level playing field*. Ia mempermudah persaingan bagi negara yang masyarakatnya berpengetahuan dan mempunyai akses kepada pengetahuan menerusi teknologi dan komunikasi maklumat yang dikuasai mereka. Ia merupakan halangan kepada negara yang masyarakatnya terhalang kerana handikap masyarakatnya dalam penguasaan teknologi dan komunikasi maklumat tadi.

### **DI MANAKAH KITA?**

Kita seperti dunia seluruhnya tidak lagi dapat menahan perubahan. Malah sejak dahulu lagi – sejak zaman berzaman – kita sentiasa dilanda perubahan. Demikianlah para rasul diturunkan oleh Allah ke dunia ini pada era yang berbeza-beda justeru kerana perubahan itulah. Seorang ahli philosophy Greek mengatakan, kira-kira 2,600 tahun dahulu, bahawa kita tidak pernah mencecah kaki ke dalam sungai yang sama dua kali. Kalau sudah begitu, sidang mungkin bertanya, tidakkah kita mempunyai ciri hidup yang sama walaupun dalam era yang berbeza, iaitu kita sentiasa dilanda perubahan. Benar, kita memiliki ciri yang sama iaitu kita dari dahulu hingga kini, sentiasa dilanda perubahan, tetapi yang tidak benar ialah bahawa perubahan yang berlaku dari satu ke satu itu sama saja rentaknya dan sama sahaja kelajuannya. Yang membedakan perubahan era

kini (dalam kira-kira dua dekad ini) dengan perubahan era sebelum dua dekad ini ialah ketiga-tiga properti itu tadilah, iaitu, kepantasan raksaksa, *volume* raksaksa, dan keglobalan raksaksa, dan keraksaksaannya itu semakin bertambah dengan pesat dari semasa ke semasa.

Sehingga kini, keraksaksaannya itu diakibatkan oleh teknologi yang pelbagai, seperti umpamanya, revolusi internet, revolusi teknologi maklumat, revolusi telekomunikasi, revolusi perjalanan udara, laut dan darat, revolusi teknologi angkasa, dan lain-lain – yang tiap-tiap satunya saling mempengaruhi dan memperbaiki tiap-tiap satu yang lainnya.

Atas kekuatan ICT inilah maka era kita kini diberikan pelbagai nama, seperti “abad maklumat” dan “abad pengetahuan”, “era kecerdasan” atau *intelligence era*, “era saingan ilmu” atau “era saingan pengetahuan”. Mengingat bahawa “pengetahuan adalah kuasa” atau *knowledge is power*, adalah jelas bahawa persaingan pasaran dan dagangan global adalah berdasarkan pemilikan pengetahuan dan kehadiran akses kepada pengetahuan yang berlandaskan revolusi ICT.

Di manakah kita dalam semua revolusi ini? Terkebelakang tentunya berbanding dengan sebahagian besar dunia. Menurut peratusan penduduk yang mempunyai akses kepada internet di rumah pada Mac 2000, 50% daripada penduduk Norway memiliki akses itu, diikuti Singapura kira-kira 48% penduduk dan United States kira-kira 47% serta Sweden kira-kira 44%. Dalam senarai 31 negara terakhir iaitu India memperlihatkan kira-kira 2% penduduknya memiliki kemudahan tersebut. Malaysia tidak pun termasuk dalam senarai 31 negara itu.<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup> *The Economist*, June 24<sup>th</sup> – 30<sup>th</sup> 2000, “The Economist – A Survey of Government and the Internet”, hal. 5.

Kita tidak menguasai teknologi angkasa. Kita tidak mempunyai *critical mass* penduduk atau anggota masyarakat yang celik IT. Kita tidak mempunyai laman permainan yang rata bagi semua rakyat negara kita. Kadar komputer-penduduk kita rendah berbanding dengan banyak negara lain.

Walau bagaimanapun, berkat kepimpinan – khususnya pandangan jauh ke depan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad – kita bergerak pantas membekalkan pengetahuan dan kecekapan di bidang ICT di kalangan anggota masyarakat kita. Pengwujudan MSC dengan MDC sebagai sayap perlaksanaannya disertai perancangan pengwujudan Sekolah Bestari adalah sebuah manifestasi gerakan kita ke arah itu. Baru-baru ini penegasan telah diberi oleh kerajaan bila dalam tahun 1994 ia mengambil keputusan untuk menyertai ke dalam sektor angkasa lepas. Beberapa tahun lalu kerajaan telah menubuhkan sebuah syarikat milik 100% kerajaan, yang diberi nama Austronautics Technology Sdn Bhd. Pada tahun lepas, suatu kolaborasi antara Malaysia East Asia Satellite (Measat) dengan Surrey Satellite Technology Ltd untuk membina micros-atellite Tiungsat-1 dalam tahun 1997 dan dijadual pelancarannya ke angkasa lepas akhir bulan ini.<sup>5</sup> Semuanya ini menunjukkan kesungguhan negara memasuki bidang kegunaan dan pembinaan peralatan dalam bidang teknologi angkasa lepas.

Kita mesti segera berubah khususnya dalam penguasaan ICT bagi menyegerakan realisasi hasrat menjadikan masyarakat Malaysia sebagai sebuah masyarakat-K ke arah menjadikan negara kita negara-K yang memiliki ekonomi-K bagi menyaingi di bidang globalisasi dagang dan ekonomi.

---

<sup>5</sup> New Straits Times, Tuesday, September 19, 2000, page 21.

## PENGURUSAN

Dalam era ini, adalah menjadi amat penting kita tahu dan bijak mengurus – mengurus ilmu, mengurus pengetahuan, mengurus ICT, mengurus transaksi, mengurus data, diri, mengurus kelompok, mengurus persekitaran, mengurus negara, mengurus wilayah, malah ikut serta dalam mengurus dunia. Apakah pengurusan? Menurut pandangan ahli, pengurusan terdiri daripada proses 4P, iaitu Perancangan, Pengorganisasian, Pembangunan dan Pengawalan (atau dalam bahasa Inggerisnya PODC yang terdiri daripada *Planning, Organizing, Developing and Controlling.*)

Untuk menggembelng persediaan menghadapi perubahan yang kumulatif sifatnya itu, tiga unit analisis mesti digembelngkan, iaitu:

Pertama, peringkat sendiri, iaitu, peringkat individu, dan kelompok individu

Kedua, peringkat organisasi, seperti syarikat, badan-badan, korporat

Ketiga, peringkat negara atau peringkat kebangsaan

Peringkat ketiga bergantung kepada peringkat sebelumnya iaitu peringkat organisasi. Begitu pula, peringkat organisasi bergantung kepada peringkat individu dan kelompok individu. Maka itu, tidaklah perlu ditekankan di sini peri perlunya negara mempunyai apa yang dipanggil pekerja berpengetahuan atau *knowledge workers* bagi menzahirkan sebuah negara atau masyarakat-K yang menguasai ekonomi-K.

Pada peringkat sendiri, adalah fungsi pendidikan dan negara bagi mendidik dan melatih murid dan pelajar serta oang dewasa supaya (a) tidak buta ICT, (b) tidak ternafi akses kepada ICT, (c) memanfaatkan pengetahuan menerusi ICT, (d) meneruskan pemerolehan pengetahuan dari ruang tanpa batas dan sempadan, selepas alam sekolah dan semasa di alam kerja, (e) memanfaatkan pengetahuan untuk luwes dalam cara kerja



dan penghasilan kerja, (f) memanfaatkan pengetahuan untuk menjadi lebih kompetitif dalam persaingan dari segi kepantasan, kualiti iaitu “nilai atas harga” atau *value for money*, dan deliveri (*delivery*). Dalam era baru ini, anugerah bintang perkhidmatan lama atau *long service medal* akan kurang dipandang tinggi serta tidak disenangi, sebab bila kita terlalu lama berada dalam satu organisasi pada satu posisi kerja maka ertiya tiada kemajuan yang kita perlihatkan dan tiada pengetahuan yang bertambah yang kita miliki.

Demikianlah akan lebih banyak kecenderungan bagi sebahagian kita untuk menjadi *freelancer* dan bertugas dari bilik studi di rumah sendiri dan berkomunikasi dengan dunia dari rumah.

Pada peringkat organisasi, ganjaran tidak lagi kepada ketaatan, ketaksuban pada cara lama, (tetapi kepada pengetahuan dan kekreatifan, kepada ide, kepada pembaharuan yang meningkatkan kompetitif dalam saingan, kepada inisiatif untuk pembaharuan.) (Organisasi itu sendiri harus memanfaatkan pengetahuan, inisiatif, kreativiti, pembaharuan oleh individu atau pasukan di dalamnya untuk organisasi itu ikut sama bersifat mudah-ubah. Ia menggalakkan pembelajaran dengan menyediakan unit pembelajaran kepada anggota-anggotanya pada pelbagai peringkat tanpa prasyarat kelayakan awal untuk menyertainya.)

Demikianlah pada waktu itu, sumber ilmu dan pengetahuan serta kemahiran tidak lagi monopoli sekolah atau kolej atau universiti, tetapi di mana-mana sahaja, termasuk di kilang, di tempat kerja, di kaca tv, di kaca komputer, di pendidikan jarak jauh, dan sebagainya. Demikian juga, akan tiba masanya harga ke atas seseorang pekerja itu diberi oleh organisasi tidak berdasarkan semata-mata kelayakan pendidikan formal yang

diperolehnya tetapi sebaliknya kepada pengetahuan yang ada kepadanya, inisiatif untuk sentiasa memperbaharui dan memperbaiki yang ditinjujkannya.

Pada peringkat negara pula, kekuatannya terletak kepada dasar atau polisi yang dianutinya ke arah pengeluaran sumber manusia yang berupa *knowledge workers*, juga dasar atau polisi pengaksesan manusia kepada teknologi maklumat dan komunikasi yang akhirnya mengakseskan mereka kepada pengetahuan. Begitu pula dengan dasar atau polisi negara menggalakkan daya berfikir dan daya kreativi untuk mencipta produk, mereka-bentuk produk atau barangan. Begitu pula dengan dasar atau polisi meneruskan peningkatan dan pembaharuan alat dan kemudahan ICT yang disediakan.

Keupayaan negara dalam hal ini tidak dilihat dari segi penyediaan sahaja tetapi lebih dari itu ialah dari segi kesediaan dan keupayaannya bersifat tangkas memperbaharui dan menambah libatannya dalam ICT dan dalam *modus operandi*-nya untuk memangkinkan perubahan serta pembaharuan dan juga menangani serta mengurus perubahan.

Kerajaan hendaklah memangkinkan pemilikan komputer oleh individu dan keluarga. Permulaan usaha ke arah itu sebenarnya sedang dibuat. Pengeluaran wang dari simpanan pekerja untuk pembelian komputer ialah sebuah contoh. Pinjaman bank untuk pembelian komputer juga sedang dijalankan. Mimmos dikatakan sedang menyediakan komputer prototaip yang murah untuk mapu dibeli oleh rakyat terbanyak. Institusi pendidikan, terutama institusi swasta, mengendalikan kursus aplikasi komputer bagi melebarkan penggunaannya di kalangan masyarakat.

Universiti dan kolej, awam dan swasta, sepatutnya mengendalikan kursus-kursus pendek *hands-on* dalam bidang komputer semasa cuti pengajian di semua universiti dan kolej tersebut.

### CIRI-CIRI PENGHIDUPAN ERA BARU

Pada hemat saya, ciri-ciri penghidupan baru dalam era baru ini ialah seperti berikut:

**Pertama**, kita berhadapan dengan kepesatan yang amat sangat dari segi perubahan. Ini menjadikan penting manusia sentiasa menjangkakan perubahan yang mendadak dalam pelbagai hal seperti peralatan baru, pengkaedahan baru, produk baru, cara baru, keperluan baru, permintaan baru yang semuanya itu adalah ikutan kepada selera baru, saingan baru, penolakan apa yang sudah ada, malah nilai baru berikutan dengan penolakan nilai lama.

**Kedua**, kita berdepan dengan dilema terutama dari segi nilai.

**Ketiga**, kita berdepan dengan segala macam pilihan atau *alternatives* yang untuk memilihnya kita memerlukan pengetahuan.

**Keempat**, kita tidak dapat menduga sepenuhnya bentuk perubahan yang akan datang. Kita hanya dapat berdepan dengan perubahan tetapi tidak dapat menyediakan diri secara khusus untuk menghadapi perubahan yang khusus pula sifatnya dalam andaian kita.

Dalam hubungan ini, pendidikan sedang dan akan terus merobah pada strukturnya, pendekatannya, dan kendaliannya. Yang saya maksudkan ialah:

**Pertama**, penekanan ke atas perancangan tenaga kerja atau *manpower planning* yang sudah dianggap lapuk di seluruh dunia hendaklah terus menerus kita tolak.

Penggantinya yang diterima di merata-rata dunia ialah pembinaan sumber manusia atau *human resource development*. Tetapi pembinaan sumber manusia hendaklah diiringi dengan pembinaan individu manusia itu sendiri atau *human development per se*. Ini perlu untuk tidak sahaja mengenal potensi individu tetapi memupuk dan menyemarak potensi individu itu sendiri. Di samping itu, mata kursus sehubungan dengan moraliti, tataetika, tatasusila dapat memberi pegangan kepada pelajar sehubungan dengan penggunaan alternatif yang baik, bertanggungjawab dan murni berbanding dengan pemilihan yang negatif dan destraktif sifatnya.

**Kedua**, tidak lagi ada monopoli ilmu pengetahuan. Institusi pendidikan terpaksa membuka pintu kepada murid dan pelajarnya kepada pelbagai sumber ilmu dan pengetahuan. Era kini lebih mudah menjadikan pembelajaran itu sebagai amalan dan komitmen sepanjang hayat.

**Ketiga**, persediaan oleh pihak berkuasa ialah membolehkan segala macam alternatif dalam pendidikan bagi memudahkan ilmu pengetahuan itu diperolehi dengan (a) cara individualistik dan berkumpulan, (b) dengan cara di bilik darjah atau bilik kuliah dan juga di rumah, (c) mempelopori pemerolehan ilmu pengetahuan di seluruh dunia dari bilik darjah dan mengakses apa yang ada di sekolah dan bilik darjah atau perpustakaan dari rumah, (d) menanggukkan pembelajaran mengikut kesesuaian kepada pelajar masing-masing, (e) memberikan pilihan seluas mungkin kepada murid atau pelajar tentang bahan dan sumber pengetahuan yang hendak diperolehinya tanpa sekatan yang rigid daripada sistem.

**Keempat**, Sistem pendidikan non-formal termasuk pendidikan dewasa atau pendidikan massa hendaklah dikaji semula dan diubahsuai serta diberi penekanan yang serupa seperti yang diberikan kepada pendidikan formal.

**Kelima**, sistem pensijilan berdasarkan peperiksaan ke atas jumlah minimum dan maksimum mata kursus hendaklah dilonggarkan bagi membolehkan calon mengambil mata kursus menurut kegemaran dan keupayaannya.

### **ANJAKAN PARADIGMA**

Apa yang kita perkatakan sehingga kini ialah apa yang dipanggil “anjakan paradigma” yang membawa makna alihan pemikiran lama kepada pemikiran baru; alihan daripada pendekatan lama kepada pendekatan baru; alihan daripada amalan lama kepada amalan baru; alihan daripada tatacara lama kepada tatacara baru. Soalnya ialah apakah anjakan paradigma ini suatu fenomena baru dan tidak pernah berlaku sebelum ini?

Tidak. Ia berlaku sejak awal lagi. Nabi Muhammad Rasulullah, umpamanya, telah membawa anjakan paradigma bila dari segi keimanan dia menyeru masyarakatnya dan kemudiannya seluruh ummah untuk menganjak kepercayaan pelbagai tuhan kepada ketauhidan kepada satu iaitu Allah subhanahu wataala yang tiada sekutu baginya. Ini adalah suatu revolusi kerana dalam tempoh masa pendek sahaja Islam berkembang secara global dengan meningkat ketinggiannya terutama semasa dalam zaman kecemerlangannya.

Tidak banyak revolusi yang berlaku dalam sejarah dunia. Dilihat pada sejarah dunia, revolusi pertama ialah revolusi pertanian di mana manusia berhenti daripada memburu dan mengutip buah-buahan dan ubi secara rambang lalu menggantikannya dengan pertanian dan perladangan. Revolusi kedua ialah revolusi industri di mana

berlaku perpindahan daripada pertanian dan perladangan kepada perusahaan – pengeluaran barangan dengan banyak menerusi pengilangan. Sekarang dunia memasuki revolusi ketiga, iaitu revolusi maklumat yang dibolehkan oleh kemajuan dalam teknologi maklumat dan teknologi komunikasi.

Dalam tiap-tiap era atau zaman bagi sesuatu revolusi itu, berlaku proses evolusi dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Benar berlaku anjakan paradigma tetapi pada kebanyakan kes, anjakan itu berlaku secara evolusi. Pada waktu ini, dalam era kini, anjakan aktiviti manusia dalam era maklumat itu sendiri itu berlaku secara revolusi juga. Ia menjadi begitu kerana munculnya revolusi dalam bidang ICT. Ingat apa yang saya katakan di awal tadi, terdapat keraksasaan dalam kepantasan dan kegelobalan serta kemampuan menampung volume yang maha besar. Dengan perubahan “keraksasaan” itu revolusilah yang saya maksudkan!

Cuma, pada kebiasaannya, anjakan paradigma itu bermula dengan idea, iaitu, idea besar. Yang uniknya dalam revolusi era kini, anjakan paradigma itu bermula dengan revolusi dalam teknologi yang luar biasa sifatnya. Revolusi teknologi itulah yang merevolusikan anjakan paradigma dalam penghidupan kita, dan bukannya idea secara langsung. Dapatlah rasanya dikatakan bahawa anjakan paradigma akibat revolusi teknologi itu adalah total sifatnya. Ia mempengaruhi segala aspek penghidupan kita sebagai individu, kelompok, organisasi dan negara – semuanya secara sistemik, menyeluruh dan serentak.

Nampaknya terdapat beberapa kecenderungan dalam pengurusan perniagaan dan perdagangan. Suatu kecenderungan ialah mengubah corak organisasi menjadi lebih besar menerusi gabungan dan cantuman. Baru-baru ini, umpamanya, Syarikat Werner yang

mempelopori komunikasi berita global, the CNN, telah bergabung dengan sebuah syarikat dot.com iaitu America Online (AOL) menjadikan mereka gergasi. Pada peringkat nasional, di negara kita, terdapat kecenderungan yang sama menerusi pengenalan supermarket dan departmental store yang besar lalu mengancam perniagaan konvensional.

Suatu kecenderungan lagi pula menjadikan sesuatu organisasi itu lebih merata sifatnya iaitu anjakan daripada model asal organisasi yang piramidal sifatnya. Manakala satu kecenderungan lagi pula ialah mengecil organisasi ke unit yang paling kecil iaitu individu yang memilih untuk bebas daripada organisasi. Syarikat-syarikat perundingan umpamanya menggalakkan pertumbuhan perujuk-perujuk bebas yang berfungsi sebagai freelancer.

Suatu kecenderungan lagi pula ialah dagangan tanpa aset. Ia hangat dibincangkan kini tentang pro dan kontranya. Dagangan seperti ini ialah dikendalikan oleh syarikat-syarikat *online*.

Apa pun, semuanya ini meminta keputusan dibuat secara bijak pada segala peringkat: peringkat individu, peringkat pengguna, peringkat pembekal barangan atau perkhidmatan dan sebagainya. Keputusan yang dibuat itu pula dinamik sifatnya kerana keputusan itu berubah dengan lebih pesat. Yang membolehkan keputusan dibuat ialah "pengetahuan". Yang membolehkan perubahan atau pertukaran dibuat atau anjakan dibuat ialah "pengetahuan". Demikianlah kita melihat betapa perlunya kita mempunyai individu, kelompok, organisasi dan negara yang memiliki dan menggembelng pengetahuan bagi membolehkan individu, kelompok, organisasi dan negara membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan bijak dan – menggunakan istilah sekarang – dengan pintar.

## KESIMPULAN

Dalam era kini, biar individu, biar kelompok, biar organisasi, biar negara – masing-masing tidak mempunyai pilihan untuk tidak menyertai proses anjakan paradigma itu. Berkecuali daripada menyertainya menjadikan ketinggalan yang bukan sedikit. Pilihan yang ada hanyalah untuk sama ada bersikap agresif dalam proses penyertaan itu atau bersikap menanti dan pasif kerana sebab-sebab tertentu seperti ketiadaan keupayaan atau kemampuan.

Untuk mampu dan upaya menyertai proses perubahan yang pantas itu ialah pemilikan pengetahuan, di segenap lapisan masyarakat, pemilikan akses kepada pengetahuan menerusi penguasaan IT dan ICT, dan kesediaan menganjak paradigma, serta kesediaan manganut budaya persaingan yang bertambah sengit.

Untuk dapat bertahan apa lagi mengatasi tandingan serta saingan kita mestilah, menerusi pengetahuan dan akses kepada pengetahuan, dapat menghasilkan barangan atau khidmat secara kompetiti dari segi kepantasan rebutan peluang, keestetikaan rupabentuk, kualiti hasilan, volume memenuhi permintaan, keupayaan *networking*, yang semuanya ini memerlukan pengetahuan dan pemilikan pekerja berpengetahuan.

Demikianlah saya melihat dinamika perubahan yang dibawa oleh revolusi ICT itu meminta penguasaan dan pemilikan pengetahuan yang sentiasa bertambah untuk dapat memanfaatkan dan dapat pula *survive* revolusi dalam era maklumat kita ini.

Menafikan masyarakat dan individu daripada akses kepada ICT dan menafikan pemilikan pengetahuan kerana penafian akses itu menjadikan kita dan negara kita pemerhati yang pasif dalam arus perubahan itu sehingga kita menjadi umpama “sampai



sepuluh jong ke kuala, anjing tetap bercawat ekor juga.” Hindarilah kemungkinan yang menakutkan ini.

Sekian.